

# Malaysia mengorak langkah ke era pembuatan kapal selam

UM - 4 DEC 1999

LANGKAWI 3 Dis. — Malaysia akan menjadi **negara** pembuat kapal selam berikutan termeterainya kerjasama antara sebuah syarikat tempatan, PSC Naval Dockyard dengan Cosmos dari Itali, hari **ini**.

Perjanjian itu yang **di**saksikan oleh **Perdana** Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Hotel Awana, **Tanjung** Malai, di **sini** membolehkan **ke**dua-dua syarikat **be**kerja-sama di segi mereka **ben**tuk dan membina projek itu di **sini**.

Pada majlis itu, PSC Naval Dockyard diwakili

oleh Pengarah **Eksekutif**nya, Azlan Shah Omar Shah manakala Cosmos oleh Pengarah Urusannya, **Lucio** Moriconi.

Moriconi **pada** sidang akhbaranya berkata, kapal selam yang akan dibina itu adalah dari jenis **kecil** iaitu kelas 'Swat' seberat 126 metrik tan.

'Swat' dikatakan sesuai digunakan di perairan **ce**tek untuk menyelinap ke dalam kawasan musuh **de**ngan kemampuan **mem**bara 15 anggota komando atau penyelam **pada** satu-satu masa.

"Kami akan **cuba** meng-

urangkan kos menerusi **penggunaan** tenaga buruh dan seberapa **banyak** komponen tempatan," kata **be**liau **tanpa** mendedahkan kos sebenar sebuah kapal selam 'Swat'.

Selain itu, PSC Naval Dockyard **juga** menandatangani **empat** perjanjian iaitu dengan Fincantieri (**Itali**), Rosvourouzhnie State Corp. dan KB Rasynostroyeniya (**Rusia**) serta dua **lagi** dengan British Aerospace (**B**Ae).

P S C **Defence** Technology pula **menanda**ngani perjanjian **usaha**sama dengan Thomson CSF

untuk membuat dan **me**masarkan sistem **komuni**kasi **tentera** laut.

Business Focus Information Technology (**B**FIT) menandatangani **perjanji**an perkongsian **strategik** dengan dua syarikat **ger**gasi Amerika Syarikat, Oracle dan Compaq **deng**gan tujuan **mempromosi**kan perniagaan elektronik kepada industri berkaitan pertahanan dan maritim.

Ketua BFIT, Mohd. **Iq**bal Noorul Huq **menanda**ngani perjanjian itu **ber**sama Pengarah Urusan Oracle, William Houngee dan Pengarah Compaq, Chong **Teck** Foh.